



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

YB MENTERI KERJA RAYA KE PROJEK NAIK TARAF LORONG MOTOSIKAL LEBUHRAYA PERSEKUTUAN (FT002)

SHAH ALAM, SELANGOR – Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi hari ini telah mengadakan Program Turun Padang ke Projek Naik Taraf Lorong Motosikal di Lebuhraya Persekutuan (FT002) bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

2. Melalui Rolling Plan 5, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP5, RMK12), Kementerian Ekonomi telah meluluskan peruntukan berjumlah RM20 juta bagi pelaksanaan projek tersebut yang kini sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor.

3. Projek naik taraf ini memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur keselamatan khusus bagi laluan motosikal di sepanjang Lebuhraya Persekutuan (FT002) dengan matlamat untuk meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan penunggang motosikal, di samping mengurangkan risiko kemalangan serta memastikan aliran trafik yang lebih teratur dan selamat.

4. Pelaksanaan projek melibatkan jajaran sepanjang 48.0 kilometer dua hala merangkumi Daerah Klang sepanjang 7.0 kilometer iaitu dari seksyen 10.4 hingga 13.9 serta Daerah Petaling sepanjang 41.0 kilometer dari seksyen 13.9 hingga 34.4.

5. Antara skop utama projek adalah kerja-kerja membaik pulih permukaan jalan di lokasi terpilih, pembaikan kawasan terowong, menaik taraf sistem saliran serta membaik pulih longkang, penggantian penghadang jalan, kerja-kerja mencantas dan menebang pokok, pembaikan railing jambatan serta penambahan papan tanda amaran dan destinasi.

6. Selain itu, kemudahan tempat berteduh khas untuk penunggang motosikal turut dibina di lokasi yang bersesuaian bagi memberikan keselesaan kepada pengguna.

Projek ini juga melibatkan pemasangan lampu jalan jenis Integrated Solar LED (ISLED) bagi meningkatkan tahap keselamatan, keselesaan serta pencahayaan kepada pengguna jalan raya khususnya pada waktu malam.

7. Kementerian Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan keterhubungan, aksesibiliti dan mobiliti rakyat terus dipertingkatkan melalui penyediaan rangkaian jalan motosikal yang berkualiti, selamat dan selesa. Penekanan berterusan terhadap pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur jalan raya serta pelaksanaan projek berteraskan rakyat mencerminkan iltizam Kerajaan MADANI selaras dengan aspirasi Program MyJalan dan nilai teras Malaysia MADANI.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA

21 MEI 2026

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#TangkasBertindak

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja